

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah – langkah Kementerian menggalakkan promosi dan pakej-pakej pelancongan domestik di kawasan Tanjung Manis untuk membantu menambah pendapatan masyarakat tempatan di kawasan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Tourism Malaysia dan Pejabat Penyeliaan (*Tourist Information Centre-TIC*) Sarawak sentiasa bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri Sarawak dan Lembaga Pelancongan Sarawak atau *Sarawak Tourism Board* (STB) dalam membantu industri pelancongan di seluruh negeri Sarawak.

2. Dalam hal ini, MOTAC telah mengenalpasti potensi Tanjung Manis sebagai destinasi memancing tepi pantai yang menarik dan boleh dipromosikan ke pasaran domestik dan antarabangsa. Antara promosi terhadap potensi Tanjung Manis ini ialah pertandingan Memancing *Shimano International Surfcasting Challenge Cup* 2019 di Belawai yang telah menarik lebih 1,100 orang peserta dari dalam dan luar negara Belawai.

NO. SOALAN : 43

3. Selain daripada itu, acara tahunan seperti Pertandingan Memancing Tebingan yang dianjurkan oleh persatuan dan kelab memancing tempatan juga mampu menarik lebih ramai penggemar aktiviti memancing di kalangan pelancong. Usaha-usaha promosi acara ini diperhebatkan melalui kerjasama dengan Pejabat Penyeliaan TIC di Sarawak.

4. Di samping itu, MOTAC juga menjalinkan kerjasama dengan Kementerian, Kesenian dan Pelancongan Sarawak (MTAC) dalam mempromosikan aktiviti pelancongan di Sarawak secara keseluruhannya. Antaranya ialah pelaksanaan sesi libat urus bersama pihak industri pelancongan Sarawak pada 27 Jun 2020 di Kuching bertujuan mendekati penggiat industri pelancongan, kesenian dan kebudayaan dengan menyampaikan maklumat terkini industri pelancongan dan mendapatkan maklum balas cadangan penambahbaikan.

5. Antara langkah-langkah dalam membantu pengusaha produk pelancongan bagi membangunkan semula pelancongan domestik untuk dimanfaatkan kepada masyarakat setempat termasuklah:

- (i) bekerjasama dengan MTAC dalam menerbitkan video yang melibatkan kedua-dua Menteri Pelancongan diperingkat Persekutuan dan negeri berkaitan makanan Sarawak serta produk-produk pelancongan Sarawak yang telah diadakan pada bulan Julai 2020. Video ini akan digunakan sebagai bahan promosi dalam menarik pelancong domestik untuk mengunjungi Sarawak;
- (ii) bekerjasama secara berterusan dengan agensi promosi negeri Sarawak iaitu STB dalam mempromosikan Sarawak terutamanya kepada pelancong domestik untuk ketika ini melalui program “Cuti-Cuti Sarawak” yang diperkenalkan oleh STB;
- (iii) memperkenalkan Sarawak sebagai destinasi pelancongan melalui program webinar dengan menjemput para penggiat industri pelancongan bagi menjadi ahli panel. Sebagai contoh, program Sembang Santai Bersama Penggiat Industri

NO. SOALAN : 43

Pelancongan dan Rakan Media “Siri 6: Bung Jagoi” yang disiarkan secara langsung pada 23 Ogos 2020 di laman sosial media rasmi Tourism Malaysia. Program ini diadakan secara bersiri dan memaparkan destinasi pelancongan berpotensi yang terpilih di negeri-negeri yang berlainan; dan

- (iv) melaksanakan promosi melalui media elektronik;
- (v) penyediaan platform atas talian oleh MOTAC untuk membantu mempromosikan pakej pakej pelancongan dan pakej penginapan melalui laman sesawang www.malaysia.travel yang membolehkan penggiat industri pelancongan memapar, mempromosi dan menawarkan pakej dan produk pelancongan mereka.

Sekian, terima kasih.